

**SIARAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**KEGAGALAN PEMATUHAN SOP
BERI KESAN KEPADA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

***UNTUK SIARAN SEGERA
15 APRIL 2026***

15 April, Putrajaya - Pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) tidak boleh dikompromi kerana kegagalannya akan memberi kesan langsung kepada kualiti penyampaian perkhidmatan awam, selain membuka ruang kepada kebocoran, ketirisan dan kelompongan dalam sistem.

Menurut Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) akan memberi kesan langsung kepada kualiti penyampaian perkhidmatan awam, di samping membuka ruang kepada kebocoran, ketirisan dan kelompongan dalam sistem.

Beliau berkata, SOP wajib dipatuhi secara konsisten dan tidak boleh dikompromi, selain perlu sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa agar kekal relevan, berkesan serta mampu memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam, di samping meningkatkan keyakinan rakyat terhadap integriti pelaksanaannya.

Dalam konteks agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab memastikan keselamatan awam, sebarang kelemahan dalam pelaksanaan SOP, termasuk dalam proses pemberian kelulusan atau lesen serta pelaksanaan tugas penguatkuasaan seperti pengurusan tahanan dan operasi lapangan, boleh menjejaskan keberkesanan sistem serta kualiti penyampaian perkhidmatan awam secara keseluruhan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**